

14 APR 2001

Sukan SEA-obor

LARIAN OBOR SUKAN SEA DISAMBUNG SEMULA HARI INI

JITRA, 14 April (Bernama) -- Larian obor Sukan SEA disambung semula hari ini ke daerah Kubang Pasu, kawasan Parlimen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Obor itu yang mula dibawa berlari di negeri ini Rabu lepas, dipamerkan kepada orang ramai di Stadium Darul Aman selama sehari sempena karnival mempromosi sukan itu di stadium tersebut, semalam.

Larian pagi ini bermula di Titi Gajah mulai pukul 8 pagi disertai lebih 300 orang pelari dari Kolej Tentera Udara Kepala Batas sehingga pekan Kepala Batas, sempadan daerah Kota Setar/Kubang Pasu.

Pelari terakhir, Mejar (U) Junaidi Daud yang menyerahkan obor Sukan SEA itu kepada Pegawai Daerah Kubang Pasu, Datuk Mohd Farouk Ibrahim yang disertai lebih 300 orang pelari termasuk anggota Exco kerajaan negeri, Prof Datuk Othman Ishak.

Orang ramai yang berhimpun di pekan Kepala Batas bagi menyaksikan larian itu dihiburkan dengan persembahan pancaragam Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jenan, dekat sini.

Pelajar dari beberapa buah sekolah menengah yang terletak antara pekan Kepala Batas ke Jitra turut menunggu di beberapa hentian di tepi jalan bagi menyertai larian sejauh 20 km itu.

Obor tersebut yang sampai di sini pada pukul 10 pagi ini kemudian dipamerkan di pekan Jitra Dua sehingga tengah hari ini, yang disertai dengan pameran kereta mini, Volkswagen dan persembahan pancaragam.

Larian obor itu akan disambung esok di daerah Padang Terap mulai pukul 9.45 pagi bermula di Kampung Kuala Pai iaitu sempadan daerah Kubang Pasu/Padang Terap dan berakhir di dewan Tunku Putra, Kuala Nerang pada pukul 5.45 petang.

-- BERNAMA

ZA RI